

21 OCT 1998

PARLIMEN: TIADA CADANGAN TUBUH JAWATANKUASA PENYIASAT

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebarang jawatankuasa penyiasat Parlimen semua parti bagi menyiasat tuduhan-tuduhan berkenaan rasuah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman hari ini berkata kerajaan mempunyai peraturan dan undang-undang tertentu bagi mengendalikan kes-kes rasuah di negara ini.

"Dasar kerajaan dalam isu rasuah adalah jelas bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah. Sebarang kesalahan yang dilakukan jika terbukti di mahkamah akan dikenakan hukuman yang setimpal sebagaimana yang ditetapkan undang-undang," katanya semasa menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) di Dewan Rakyat.

"Dengan demikian adalah tidak perlu bagi kerajaan menubuhkan sebarang jawatankuasa penyiasat Parlimen semua parti untuk menyiasat tuduhan-tuduhan mengenai rasuah dan kronisme seperti yang didakwa," katanya.

Fauzi turut memberi jaminan bahawa tidak ada sesiapa pun termasuk Perdana Menteri yang kebal daripada segi undang-undang.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak akan teragak-agak menyiasat sesiapa sahaja sekiranya terdapat laporan mengenai gejala rasuah, katanya semasa menjawab soalan tambahan Lim yang ingin tahu sama ada kerajaan sedar bahawa tuduhan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai rasuah dan kronisme yang berleluasa terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu tuduhan yang serius.

-- BERNAMA

HS RON